



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS	:	TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM PTV
KOD KURSUS	:	BBH 31202
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL
TARIKH PEPERIKSAAN	:	JUN 2013
JANGKA MASA	:	2 JAM
ARAHAN	:	JAWAB SEMUA SOALAN DI BAHAGIAN A DAN B. JAWAB SATU SOALAN SAHAJA DI BAHAGIAN C.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) MUKA SURAT

BAHAGIAN A

- S1** Antara berikut adalah benar mengenai Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) kecuali
- A. kefahaman dan keprihatinan kepada set maklumat dan bagaimana maklumat tersebut digunakan sebaiknya
 - B. rangkaian komunikasi digunakan untuk menerima, menyimpan, memproses dan mempersembahkan data dan maklumat
 - C. perhubungan yang dilakukan dengan perkataan, surat atau mesej, pertukaran fikiran atau pendapat melalui hubungan dua hala
 - D. memahami bila hendak menggunakan teknologi maklumat untuk menyelesaikan masalah dan mengeksploitasikan peluang
- S2** Antara berikut yang manakah menunjukkan fungsi teknologi maklumat.
- A. Penyusunan maklumat
 - B. Penghapusan maklumat
 - C. Pemadatan maklumat
 - D. Mendapatkan semula maklumat
- S3** Manakah antara berikut merujuk kepada undang-undang siber yang telah diluluskan oleh Parlimen ?
- A. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998
 - B. Akta Tandatangan Digital 1998
 - C. Akta Jenayah Komputer 1998
 - D. Akta Teleperubatan 1998
- S4** Peranti input di bawah adalah merupakan peranti penuding (pointing device) kecuali
- A. bebola jejak (trackball)
 - B. papan pendigit (digitize board)
 - C. tetikus optik(optical mouse)
 - D. papan kekunci (keyboard)
- S5** Peranti imbasan menterjemah imej teks, lukisan, gambar dan yang serupa dengannya kepada bentuk digital untuk dimasukkan secara langsung ke komputer. Manakah antara berikut merupakan peranti pembaca imbasan menggunakan kaedah pengecaman optik ?
- A. Pembaca aksara dakwat magnetik (magnetic ink character reader (MICR)) dan pembaca aksara optik (optical character recognition(OCR))
 - B. Pembaca kod palang (bar code reader) dan pembaca tanda optik (optical mark recognition(OMR))
 - C. Pembaca kad pintar dan pembaca tulisan tangan optik
 - D. Mesin faks dan peranti pengecaman suara optik

- S6** _____ direka bentuk supaya mesra pengguna dan mengurangkan penggunaan peralatan input secara fizikal.
- A. Papan kekunci tanpa wayar
 - B. Papan kekunci permainan
 - C. Papan kekunci ergonomik
 - D. Papan kekunci maya
- S7** Manakah antara berikut merupakan jenis asas output ?
- A. Teks
 - B. Data
 - C. Maklumat
 - D. Perkataan
- S8** Pilih pernyataan yang benar mengenai monitor jenis paparan panel rata (LCD monitor).
- A. Harganya lebih murah
 - B. Menggunakan tenaga yang lebih efisien
 - C. Menggunakan ruang kerja yang lebih luas
 - D. Mempunyai sudut pandangan yang lebih baik
- S9** Pemplot jenis ini mempunyai kelajuan yang lebih pantas dan kualiti yang lebih tinggi berbanding pemplot lain. Apakah nama pemplot ini ?
- A. Pemplot laser (laser plotter)
 - B. Pemplot terma (thermal printer)
 - C. Pemplot pancut dakwat (ink jet plotter)
 - D. Pemplot elektrostatik (electrostatic plotter)
- S10** Manakah antara berikut benar mengenai perisian sistem ?
- A. Perisian sistem merujuk kepada sistem pengoperasian sahaja
 - B. Perisian pemprosesan perkataan adalah merupakan salah satu perisian sistem
 - C. Perisian sistem terdiri daripada sistem pengoperasian dan program utiliti
 - D. Perisian sistem merupakan perisian yang digunakan untuk menjalankan tugas-tugas tertentu
- S11** Apakah yang dimaksudkan dengan sistem pengoperasian ?
- A. Antara muka antara perkakasan dan perisian aplikasi
 - B. Sejenis perisian komputer yang digunakan untuk memproses input
 - C. Suatu sistem yang menghubungkan sekumpulan komputer dan peranti sokongan yang lain seperti pencetak dan pengimbas
 - D. Satu set atur cara yang mengawal dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti sumber-sumber perkakasan dan perisian komputer

S12 Tujuan storan adalah

- A. menyimpan mesej dan arahan
- B. menyimpan teks, grafik dan audio
- C. menyimpan maklumat secara kekal atau separa kekal
- D. menyimpan arahan dan maklumat secara kekal


S13 Pilih pernyataan yang salah tentang perisian pemprosesan perkataan (word processing).

- A. *Notepad* merupakan perisian pemprosesan perkataan
- B. Perisian *microsoft office* merupakan perisian pemprosesan perkataan
- C. Perisian yang digunakan untuk pemprosesan maklumat
- D. Data boleh dimasukkan ke dalam baris dan lajur tertentu dengan menggunakan jadual (table)

S14 _____ adalah perisian yang boleh dimuat turun oleh pengguna bagi tujuan penggunaan secara percuma bagi tempoh tertentu.

- A. Perisian bersepadu (integrated software)
- B. Set perisian (software suite)
- C. Perisian *shareware* (shareware software)
- D. Perisian *freeware* (freeware software)

S15 Rajah S15 merujuk kepada jenis topologi, _____.



Rajah S15

- A. Topologi Gelung
- B. Topologi Gelang
- C. Topologi Bintang
- D. Topologi Bas

S16 Antara berikut yang manakah maksud topologi rangkaian yang tepat.

- A. Susunan yang menghubungkan sekumpulan komputer dengan peranti sokongan yang lain
- B. Susunan komputer yang digunakan untuk membuat analisis, perhitungan, perancangan dan permodelan dalam sesuatu rangkaian komputer
- C. Susunan komputer yang digunakan bagi tujuan untuk memudahkan penerbitan dan percetakan dalam rangkaian
- D. Susunan atau konfigurasi fizikal komputer dengan komputer lain dan peranti sokongan lain dalam sesuatu rangkaian

S17 Pilih fungsi-fungsi sistem pengoperasian yang betul.

- I Menguruskan ingatan.
 - II Menguruskan perkakasan.
 - III Menguruskan perisian sistem dan program utiliti.
 - IV Menyediakan antara muka pengguna.
- A. I dan II
 - B. II dan III
 - C. I, II dan IV
 - D. I, II, III dan IV

S18 Pernyataan manakah yang benar mengenai ingatan jenis ROM ?

- I Data yang disimpan adalah kekal.
 - II Data yang disimpan boleh diubah dan dihapuskan.
 - III Data yang disimpan tidak boleh diubah dan dihapuskan.
 - IV Data yang disimpan akan hilang apabila komputer dimatikan.
- A. I dan III
 - B. I dan IV
 - C. I, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

S19 Pilih pernyataan yang benar tentang topologi bintang.

- I Penghantaran data lebih laju jika kurang nod di dalam rangkaian.
 - II Mudah diubahsuai dan ditambah bilangan nod.
 - III Sebarang kerosakan pada nod tidak mengganggu keseluruhan rangkaian.
 - IV Sebarang kerosakan pada nod dapat dikesan dengan mudah dan pantas.
- A. I dan III
 - B. I, II dan III
 - C. I, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

S20 Mengapakah seseorang pengguna komputer perlu mematuhi kod etika penggunaan komputer ?

- I Memastikan hak pengguna komputer lain dihormati.
 - II Memastikan kesahihan data dan maklumat dipercayai.
 - III Mengurangkan pelanggaran isu hak cipta.
 - IV Menjamin penulis dapat berkarya dengan lebih banyak dan selesa.
-
- A. I, II dan III
 - B. I, III dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. I, II, III dan IV

(20 markah)

BAHAGIAN B

- S21** Anda diminta oleh pengetua sekolah anda untuk menerangkan perisian dan perkakasan komputer yang terdapat di sekolah kepada pegawai Pusat Kegiatan Guru di Zon Sekolah anda.
- (a) Nyatakan maksud perisian sistem komputer. (2 markah)
 - (b) Jelaskan perisian sistem dan utiliti yang terdapat di sekolah anda. (8 markah)
 - (c) Lakar dan terangkan dengan menggunakan gambar rajah blok hubungan antara perkakasan dan perisian komputer tersebut. (10 markah)
- S22** Perisian aplikasi digunakan untuk menjalankan tugas-tugas yang tertentu mengikut kehendak pengguna.
- (a) Jelaskan tiga perisian aplikasi yang boleh membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran. (5 markah)
 - (b) Tunjukkan kaedah penggunaan sebarang perisian pengeditan grafik bagi menghasilkan poster yang berkualiti dengan saiz yang bersesuaian. (15 markah)
- S23** Pengguna komputer sering diancam dengan isu-isu keselamatan yang menyebabkan kehilangan data, kehilangan perkakasan dan kerosakan komputer.
- (a) Jelaskan lima isu keselamatan komputer yang boleh mengancam keselamatan teknologi maklumat di sekolah. (5 markah)
 - (b) Tunjukkan kaedah kawalan keselamatan sistem komputer yang perlu diambil bagi memastikan keselamatan komputer di sekolah anda terjamin. (15 markah)

BAHAGIAN C

S24 Penggunaan teknologi maklumat memberi banyak kesan sama ada secara positif atau negatif kepada organisasi dan masyarakat. Penggunaan teknologi maklumat secara beretika dan sihat perlu diamalkan oleh para pendidik.

(a) Jelaskan lima etika penggunaan komputer. (5 markah)

(b) Huraikan teknik-teknik yang perlu diambil bagi mengatasi masalah kesihatan dengan menghubungkan prinsip ergonomik dalam penggunaan peralatan teknologi maklumat. (10 markah)

(c) Bincangkan kesan atau impak teknologi maklumat di sekolah. (5 markah)

S25 Anda dilantik sebagai guru ICT di sekolah anda. Pengetua sekolah meminta anda untuk mengkaji semula susun atur rangkaian komputer di sekolah anda.

(a) Jelaskan maksud rangkaian komputer dan jenis rangkaian. (5 markah)

(b) Cadangkan dengan membuat lakaran topologi rangkaian dan jenis rangkaian yang bersesuaian dengan struktur bangunan sekolah anda. (10 markah)

(c) Bincangkan kebaikan dan keburukan topologi rangkaian yang anda pilih. (5 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT